

**INTERAKSI SOSIAL DAN KOMUNITI  
KAJIAN KES : PERUMAHAN PANGSA BULUH KUBU, KOTA BHARU,  
KELANTAN**

Oleh

**SITI ZAHARAH BINTI MOHD SAAT**

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah  
Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur  
Universiti Teknologi MARA, (UiTM)  
Shah Alam**

**Oktober 2002**

## PENGHARGAAN

### **Bismillahirrahmanirahim**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka akhirnya selesai juga tesis ini dijalankan bagi memenuhi kehendak dan syarat bagi Kursus Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah (Kepujian), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.

Di kesempatan ini, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua individu yang telah membantu dalam penyediaan tesis ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia tesis Prof. Madya Dr. Wan Salleh Bin Hj. Wan Ibrahim yang telah banyak membantu dan sentiasa memberikan sumbangan serta dorongan sehingga tesis ini siap disediakan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan agensi kerajaan dan swasta yang telah memberi kerjasama terutamanya pegawai dan juga kakitangan di Jabatan Perancang dan Wilayah, Majlis Perbandaran Kota Bharu.

Akhir sekali, buat bonda tersayang , ayahanda serta keluarga tersayang jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan di atas pengorbanan serta dorongan kalian selama ini. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan (Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah Sesi Oktober 2002) dan teristimewa buat Noor Imran Zainuddin yang sentiasa bersama-sama memberi galakan dan semangat di dalam menyiapkan tesis ini. Jasa kalian tetap dalam dalam ingatan. Hanya Allah yang dapat membalasnya.

Wassalam.

## Abstrak

Tesis ini adalah mengenai interaksi sosial dan komuniti di perumahan pangsa Buluh Kubu, Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini cuba meninjau sejauh mana penerimaan rumah kediaman ini di kalangan kelompok sosioekonomi kelas rendah bandar. Cara kajian ini adalah melalui kaedah temubual bersemuka, 'participant observation' dan temuduga ke atas 150 responden. Penemuan kajian mendapati faktor kesuntukan masa berinteraksi (79.3 peratus) dan susunatur/rekabentuk kediaman (13.3 peratus) adalah amat tinggi dan memberikan kesan yang maksimum terhadap interaksi sosial dan komuniti. Manakala jarak kediaman (4.7 peratus), berlainan etnik (1.3 peratus) dan bahasa (1.3 peratus) hanya memberikan kesan yang minimum. Aspek cadangan yang memfokuskan kepada aspek fizikal dan sosial. Dari aspek fizikal, senibina rumah pangsa yang inovatif dicadangkan bagi mengstrukturkan semula bangunan kediaman bagi pembangunan di masa hadapan. Manakala dari aspek sosial cadangan suasana alam sosial yang kondusif adalah untuk memupuk memperbaiki, memantap dan meningkatkan lagi aktiviti interaksi sosial di kawasan perumahan pangsa. Di samping itu, pengurusan yang efektif adalah penting bagi menyediakan kawasan, kelengkapan dan peralatan serta memikirkan inisiatif untuk meningkatkan kesensitifan penduduk dan merealisasikan kewujudan sebuah 'komuniti' serta meningkatkan semangat kejiwaan. Dengan ini, sekiranya langkah-langkah tersebut dilaksanakan, khususnya golongan berpendapatan rendah dapat menikmati hidup yang lebih berkualiti dan juga dapat menyumbang kepada kemakmuran negara. Oleh itu, pada keseluruhannya kajian ini berjaya membuktikan bahawa responden telah menerima cara kehidupan di rumah pangsa serta boleh menyesuaikan diri walaupun ada kekurangan-kekurangan sedia ada.

Penghargaan	
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Foto	ix
Senarai Lampiran	xi
Senarai Singkat Kata	xii

## KANDUNGAN

<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Tujuan	5
1.4 Objektif	5
1.5 Skop kajian	6
1.6 Metodologi kajian	7
1.6.1 Pengoperasian Penyelidikan	8
1.7 Kesimpulan	12
<b>BAB 2: KAJIAN TEORITIKAL</b>	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Interaksi Sosial	16
2.2.1 Kajian Pelbagai Disiplin	19
2.2.1.1 Sosiologi Bandar Secara Umum	20
2.2.1.2 Budaya Kecil Bandar	24
2.2.1.3 Senibina Komuniti	27
2.2.1.4 Psikologi Kelompok-kelompok Ruang	30
2.3 Psikologi Alam Bina Dalam Menentukan Interaksi Kejiranan Pangsa.	31

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Jenis kediaman memainkan peranan dalam pembentukan komuniti masyarakat di mana-mana sahaja. Pada masa lalu, bila proses perbandaran tidak menyeluruh di setiap negara, keperluan dan permintaan terhadap kediaman tidak begitu ketara. Pada masa kini, permintaan terhadap perumahan di bandar kian meningkat. Justeru itu, tanah-tanah di kawasan bandar bukan sahaja berkurangan tetapi menjadi semakin mahal.

Memandangkan keperluan perumahan penting untuk menjaga kesejahteraan rakyat, pihak berkuasa tempatan (PBT) mulai memainkan peranan yang lebih proaktif dengan menyediakan lebih banyak perumahan yang lebih murah bagi golongan pekerja bandar yang dianggap terdesak. Cara yang mudah adalah dengan pembinaan rumah bertingkat atau dipanggil rumah pangsa. Cara ini dipanggil juga sebagai 'social housing' (rumah rakyat) dan bentuk senibinanya dipanggil 'community architecture' untuk kelompok keluarga yang ramai. Cara penyelesaian ini adalah untuk menjimatkan ruang (tanah) bandar yang menjadi semakin terhad.

Persoalannya, bagaimanakah rekabentuk kediaman sedemikian boleh memupuk rasa komuniti?

Beberapa faktor telah memainkan peranan penting, di antaranya ialah ciri-ciri kekeluargaan itu sendiri. Diandaikan bahawa sebuah keluarga suka mendiami kediaman bertingkat yang bukan sahaja boleh disewa malahan murah dan dekat